



No Ruj. : KBS.800-2/6/1 JLD.3(19)  
Tarikh : 15 Mei 2018

## SENARAI SEPERTI EDARAN

YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

### **ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 12 (1/2018) – PENGLIBATAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) BERSAMA PENGURUSAN INSTITUT DAN ALUMNI INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN (ILKBS)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan dokumen **Arahan Tetap Ketua Pengarah Bilangan 12 (1/2018)** berkaitan **Penglibatan MPP Bersama Pengurusan Institut dan Alumni ILKBS** untuk dilaksanakan di seluruh ILKBS.

3. Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./ tuan/ puan dalam mematuhi arahan tetap ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJAH WASITAH BINTI HAJI MOHD YUSOF, PhD)**

Ketua Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan  
Malaysia

S.k.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia



**SENARAI EDARAN:**

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang,  
Bandar Baru Salak Tinggi,  
43900 Sepang,  
Selangor.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua,  
Batu 16, Dusun Tua,  
43100 Hulu Langat,  
Selangor.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Temerloh,  
Kampung Bongsu,  
28500 Lanchang,  
Temerloh, Pahang.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam,  
Jalan Berapit,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Pagoh,  
KM 21, Jalan Panchur,  
84600 Muar,  
Johor.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bachok,  
Kampung Tangok,  
16300 Bachok,  
Kelantan.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Chembong,  
73100 Rembau,  
Negeri Sembilan.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Alor Gajah,  
KM 34, Jalan Ramuan China Besar,  
78300 Masjid Tanah  
Melaka.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Peretak,  
44000 Kuala Kubu Bharu,  
Selangor.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar,  
Bandar Seri Iskandar,  
35600 Bota,  
Perak.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai,  
KM 24, Jalan Kuala Terengganu – Kuala Berang,  
21040 Marang,  
Terengganu.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Jitra,  
Jalan Changloon,  
06000 Jitra,  
Kedah,

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Miri,  
Jalan Permy Jaya Utama,  
Bandar Baru Permy Jaya,  
98000 Miri,  
Sarawak.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut,  
W.D. T 16, Jalan Limau Limauan,  
89609 Kinarut,  
Papar Sabah.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Perlis,  
Jalan Bukit Kubu,  
02000 Kuala Perlis,  
Perlis.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar,  
Bandar Penawar,  
81930 Kota Tinggi,  
Johor.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Pekan,  
KM 55 Jalan Kuantan Segamat  
26650 Pekan,  
Pahang.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Naka,  
Mukim Tekai Kanan, Pakan Naka,  
06350 Kuala Nerang,  
Kedah.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Kemasik,  
KM 19 Jalan Kemaman Dungun,  
24100 Kemasik,  
Kemaman, Terengganu.

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Langat,  
Jalan Sultan Abdul Samad,  
42700 Banting,  
Selangor.

Pengarah,  
Akademi Kemahiran Belia Golf,  
Tingkat 1, Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara,  
Jalan Bukit Kiara 1,  
60000 Bukit Kiara,  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pengarah,  
Institut Kemahiran Belia Negara Tanah Merah,  
Jalan Bukit Panau,  
17500 Tanah Merah,  
Kelantan.



BPKB (HEP) ATKP/12/2018



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA**

---

**ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 12 (1/2018)**

---

**PENGLIBATAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
BERSAMA PENGURUSAN INSTITUT DAN ALUMNI  
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN**

## 1.0) OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk membuat penetapan penglibatan pihak pengurusan ILKBS dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan peranan MPP bersama alumni ILKBS yang akan dilaksanakan di semua ILKBS.

## 2.0) TAKRIF

“**ILKBS**” bermaksud Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara serta Akademi Kemahiran Belia Golf di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**BPKB**” bermaksud Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan.

“**Majlis Perwakilan Pelajar**” bermaksud badan organisasi tertinggi pelajar di dalam institut yang dipilih dan dilantik mewakili semua pelajar di Institut berkenaan.

“**Persatuan Alumni**” bermaksud organisasi/kumpulan pelajar lepasan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) pada peringkat kebangsaan atau institut yang didaftarkan secara sah.

“**Alumni**” bermaksud bekas pelajar yang telah menamatkan pengajian di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan.

### 3.0) LATAR BELAKANG

- 3.1. Perjumpaan YB Menteri Belia dan Sukan bersama Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar seluruh ILKBS pada 10 Februari 2015 menunjukkan bahawa Kementerian sentiasa mengutamakan suara pemimpin pelajar dalam memastikan kecemerlangan berterusan ILKBS.
- 3.2. Ketetapan Mesyuarat MPP bersama pihak pengurusan ILKBS telah menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pengarah ILKBS pada tahun 2015 dan 2016 lagi.
- 3.3. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan pada 11 Mac 2018 sewaktu perjumpaan bersama MPP dalam Program Impak ILKBS@Komuniti di IKTBN Chembong telah mengarahkan supaya pihak pengurusan ILKBS mengadakan perjumpaan secara berkala bersama MPP agar pandangan dan idea MPP diambil kira serta diperhalusi pada peringkat pengurusan ILKBS dalam usaha meningkatkan kemahiran kepimpinan pelajar melalui dialog atau perbincangan percambahan fikiran.
- 3.4. Pelajar dalam era globalisasi dan teknologi terkini memerlukan bakat serba boleh, berkemahiran tinggi serta mempunyai minda glokal dan global.

- 3.5. Perkongsian Pengalaman Alumni ILKBS yang berjaya mampu membuka minda pelajar untuk berfikiran lebih jauh selain menanamkan rasa bangga kerana menjadi sebahagian daripada warga ILKBS.
- 3.6. Oleh yang demikian, jalinan perhubungan di antara MPP dan Alumni ILKBS melalui penglibatan bersama di dalam program atau perjumpaan dilihat sebagai satu medium terbaik dalam mengetengahkan potensi ketokohan pelajar untuk mengukuhkan keupayaan intelektual dan komunikasi mereka.

#### **4.0) OBJEKTIF PENGLIBATAN MPP BERSAMA PENGURUSAN ILKBS DAN ALUMNI INI ADALAH UNTUK:**

- 4.1 Menyediakan platform interaksi dan perkongsian minda pemimpin pelajar bersama pihak pengurusan ILKBS serta alumni tentang isu-isu semasa di dalam dan luar Institut serta peranan dan respon yang boleh diberikan;
- 4.2 Memastikan kebajikan pelajar sentiasa diutamakan sebagai pemangkin ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti; dan
- 4.3 Meningkatkan potensi kepimpinan pelajar sebagai pemimpin profesional muda.

## **5.0) KAEDAH PELAKSANAAN PENGLIBATAN MPP DENGAN PENGURUSAN ILKBS**

- 5.1 Setiap ILKBS hendaklah merancang sesi mesyuarat atau perjumpaan bersama MPP pada setiap tahun.
- 5.2 Kekkerapan mesyuarat/perjumpaan Pihak Pengurusan ILKBS bersama MPP hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebanyak dua (2) kali setahun.
- 5.3 Mesyuarat/perjumpaan tersebut hendaklah membincangkan tentang isu-isu kebajikan, aktiviti, pembelajaran, aduan, pandangan serta cadangan penambahbaikan perkara-perkara berkaitan.
- 5.4 Memastikan sesalinan minit mesyuarat dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia sejurus selepas mesyuarat/perjumpaan diadakan bagi tujuan rekod.

## **6.0) KAEDAH PELAKSANAAN PENGLIBATAN MPP BERSAMA PERSATUAN ALUMNI ILKBS**

- 6.1 Pengurusan ILKBS berperanan untuk menggerakkan pemindahan ilmu kepada MPP dengan menyediakan ruang dan peluang interaksi antara MPP bersama Persatuan Alumni ILKBS.

- 6.2 Setiap ILKBS hendaklah merancang suatu platform perjumpaan MPP bersama Persatuan Alumni yang didaftarkan secara sah.
- 6.3 Jaringan hubungan baik dari segi pertemuan dan perbincangan MPP bersama Persatuan Alumni hendaklah diadakan secara tetap dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali (1) setahun.
- 6.4 Walau bagaimanapun ianya tidak hanya terhad kepada pertemuan semata-mata malah turut boleh dikembangkan kepada pelaksanaan aktiviti yang membabitkan penglibatan bersama.
- 6.5 Memastikan sesalinan laporan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia sejurus selepas perjumpaan diadakan bagi tujuan rekod.
- 6.6 Pengurusan ILKBS hendaklah menjadi perantara antara MPP dan alumni bagi merangsang hubungan strategik yang berterusan.
- 6.7 *Outcome* yang hendak diperolehi adalah pembabitan MPP di dalam Persatuan Alumni selepas tamat pengajian dan sumbangan berterusan Alumni ILKBS kepada Institut.

## **7.0) TANGGUNGJAWAB PENGARAH ILKBS**

Seperti mana tarikh kuat kuasa arahan tetap ini, Pengarah di setiap ILKBS adalah bertanggungjawab untuk memastikan Penglibatan MPP bersama Pengurusan ILKBS dan Alumni dilaksanakan mengikut ketetapan yang telah ditentukan dan dipatuhi dengan betul.

## **8.0) TARIKH KUAT KUASA**

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Ketua Pengarah ini dikeluarkan.

## **9.0) PEMAKAIAN**

Peraturan ini akan digunakan di semua ILKBS.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(HAJAH WASITAH BT HJ. MOHD YUSOF, PhD)**

Ketua Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia  
Kementerian Belia dan Sukan  
PUTRAJAYA

15 Mei 2018

